

NAMA : _____

KELAS : _____

1. Baca dan fahami petikan di bawah, kemudian, kenal pasti tingkah laku baik, benar dan patut yang terdapat dalam petikan di bawah (TP4)

Encik Faizal merupakan kerani kewangan Syarikat XYZ yang beroperasi di Johor. Pengurusnya bernama Encik Malek. Beliau sangat baik tetapi tegas semasa menjalankan tugas. Semasa ketiadaan Encik Malek, Puan Hamidah, iaitu selaku penolong pengurusnya mengambil alih tugas-tugas Encik Malek. Puan Hamidah telah diberikan kepercayaan untuk memantau para pekerja syarikat menjalankan tugas apabila Encik Malek tiada di pejabat.

Pada suatu hari, Encik Faizal telah dihasut oleh Puan Sim, rakan sekerjanya untuk memalsukan dokumen kewangan. Puan Sim memberitahu Encik Faizal bahawa jika dokumen kewangan itu berjaya dipalsukan, mereka akan mendapat komisen sebanyak 50 ribu ringgit. Oleh itu, Encik Faizal bersetuju untuk memalsukan dokumen kewangan tersebut.

Puan Hamidah dapat mengesan kes pemalsuan yang telah dilakukan oleh Encik Faizal dan Puan Sim. Puan Hamidah bertindak melaporkan kes tersebut kepada Encik Malek tanpa pengetahuan Encik Faizal. Encik Malek memanggil Encik Faizal dan Puan Sim untuk mengesahkan perkara tersebut. Mereka berdua mengaku bersalah di atas perbuatan yang telah dilakukan dan telah dipecat daripada syarikat tersebut.

Tingkah Laku bermoral :

- a) Siapakah bertingkah laku baik?
Nyatakan tindakan yang dilakukan.

- b) Siapakah yang bertingkah laku benar?
Nyatakan tindakan yang dilakukan.

- c) Siapakah yang bertingkah laku patut?
Nyatakan tindakan yang dilakukan.

2. Nyatakan **DUA** kepentingan perlakuan baik, benar dan patut berdasarkan gambar yang diberikan. (TP4)



